

LAPORAN PEMERIKSAAN KE ATAS KAWASAN
HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR)

Tarikh Pemeriksaan : 17. 03. 2024

No. VJR : 13 J4

Nombor kompartmen : 124

Nama HSK : Kluang

Daerah Hutan : Johor Tengah

Negeri : Johor

1. Nama dan jawatan ketua pasukan

Hisham bin Ismail (Penolong Pemelihara Hutan)

2. Nama dan jawatan ahli-ahli pasukan

- a) Muhamad Rizal bin Lamsi (Pengawas Hutan Kanan)
- b) Ramzil bin Ramlan (Pengawas Hutan)
- c) M. Sukemi bin Dol Salim (Pengawas Hutan)
- d) Rohaizat bin Omar (Pengawas Hutan)
- e) Faizal bin Parman (Pembantu Awam)
- f) Mohd Ezwan bin Mohd Yusof (Pembantu Awam)

3. Jumlah bilangan kompartmen sebenar

Satu Kompartmen

4. Bilangan dan nombor kompartmen yang diperiksa

Satu (Kompartmen 124)

5. Anggaran peratus sempadan yang diperiksa

25 peratus (%). Sempadan yang disemak adalah sejauh lebih kurang 600 meter dari sempadan tanah milik dan jalan hutan simpan memasuki melalui Ladang Pelangi arah timur kompartmen 124. Sebagaimana yang ditanda dalam pelan.

(Tandakan di atas pelan, sempadan yang dilalui semasa pemeriksaan)

6. Terangkan keadaan sempadan dan kebersihannya:

Keadaan sempadan yang disemak tidak memuaskan. Cat sempadan kompartmen tidak begitu jelas serta ditumbuhi anak-anak pokok liar yang menutupi kelarian sempadan. Adalah dicadangkan dijalankan penandaan sempadan semula.

7. Terdapat pencerobohan/kerosakan atau tidak? Jika ada terangkan dan tandakan di atas pelan. (Pencerobohan/kerosakan termasuklah oleh penerokaan haram, penebangan haram, ribut, kebakaran atau sebab-sebab lain).

Tiada pencerobohan semasa semakan dijalankan

8. Cara perhubungan asal ke kawasan berkenaan (sama ada boleh sampai dengan pacuan empat roda, berjalan kaki atau cara-cara lain)

Jalan masuk ke kawasan kompartmen 124 (VJR) adalah melalui Batu 19 Jalan Kluang-Mersing dan seterusnya jalan ekses Ladang Pelangi.

9. Jika berjalan kaki, nyatakan jauhnya

50 meter.

10. Nyatakan cara perhubungan semasa pemeriksaan (jika berbeza dari cara asal disebabkan kerosakan jalan atau sebagainya).

Melalui tanah milik yang berhampiran Sungai Kahang.

11. Nyatakan pemerhatian-pemerhatian lain mengenai VJR tersebut, jika ada

Pemerhatian mendapati hutan simpan tersebut menghasilkan benih-benih dalam pelbagai spesies. Namun begitu kawasan ini dimasuki penduduk setempat bagi tujuan memancing kerana kedudukan Sungai Kahang bersebelahan dengan kompartmen 124 tersebut. Selain itu, papan tanda VJR juga telah rosak akibat kemasukan hidupan liar seperti gajah.

12. Cadangan-cadangan, jika ada:

Dicadangkan penubuhan petak kajian dan petak Pelajaran ke atas kompartmen ini bagi tujuan pembelajaran dan pendedahan keberbagaian Biodavity Kakitangan Jabatan dan pelajar Universiti. Mengsyorkan juga sempadan Kompartmen tersebut perlu dicuci kerana cat kuning dan merah sukar dikesan. Papan tanda petak (VJR) yang telah tumbang juga perlu digantikan semula.

Tanda Ketua Pasukan



(HISHAM BIN ISMAIL)

Pegawai Renj Hutan.

Pejabat Renj. Hutan sembrong.

ULASAN PEGAWAI HUTAN DAERAH

Pegawai ini menyerahkan untuk p.p.2 tanda VJR diteliti/dijanti
berserta Petandaan Sampul baru yang sudah diselayang sekula.

TANDATANGAN


(NAMA PEGAWAI HUTAN DAERAH)

Razvi Bin Osman.



LAPORAN HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN PELAN YANG MENUNJUKKAN JALAN YANG DIKUTI
SEMASA PEMERIKSAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN

PELAN HUTAN SIMPANAN DARA (VIRGIN JUNGLE RESERVE)

Daerah Hutan : Johor Tengah, Hutan Simpan : Kluang No Kompartmen : 124, Luas : 127 Ha.



SKALA: 1:5 000




- Simbol:
- Titik Simpitan
 - Simpitan Kompartmen
 - Jalan
 - Sungai
 - Gali/Kontur
 - ▲ Puncak Bukit
 - Jalan Tuju

Disiapkan Oleh	Disekitar Oleh
Muhammad Rizal bin Lamis Pengawas Hutan	Hisham bin Ismail Penolong Penelihara Hutan
Tandatangan	
Nama dan Jawatan	
Tarikh	18/08/2012

PETUNJUK:

- SEMPAPAN VJR
- SEMPAPAN YANG DI SEMAK

PEMANTAUAN KAWASAN HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR) KOMPT 124, HUTAN SIMPAN KLUANG





**LAPORAN PEMERIKSAAN KE ATAS KAWASAN
HUTAN SIMPANAN HUTAN DARU (VJR)**

Tarikh Pemeriksaan : 01.04.2024

No. VJR : J.14

Nombor kompartmen : 841

Nama HSK : Labis

Daerah Hutan : Johor Tengah

Negeri : Johor

1. Nama dan jawatan ketua pasukan

Hisham bin Ismail (Penolong Pemelihara Hutan)

2. Nama dan jawatan ahli-ahli pasukan

- a) Muhamad Rizal bin Lamsi (Pengawas Hutan Kanan)
- b) M. Sukemi bin Dol Salim (Pengawas Hutan)
- c) Ramzil bin Ramlan (Pengawas Hutan)
- d) Sofian bin Mohamad (Pengawas Hutan)
- e) Zainurin bin Osman (Pengawas Hutan)
- f) Md Aliff Ummil bin Yaakub (Pembantu Awam)

3. Jumlah bilangan kompartmen sebenar

Satu Kompartmen

4. Bilangan dan nombor kompartmen yang diperiksa

Satu (Kompartmen 841)

5. Anggaran peratus sempadan yang diperiksa

25 peratus (%)

(Tandakan di atas pelan, sempadan yang dilalui semasa pemeriksaan)

6. Terangkan keadaan sempadan dan kebersihannya:

Keadaan sempadan yang disemak agak semak di tumbuhinya anak pokok. Keadaan cat sempadan masih lagi jelas kelihatan. Papan tanda petak VJR perlu diganti yang baharu.

7. Terdapat pencerobohan/kerosakan atau tidak? Jika ada terangkan dan tandakan di atas pelan. (Pencerobohan/kerosakan termasuklah oleh penerokaan haram, penebangan haram, rebut, kebakaran atau sebab-sebab lain).

Tiada pencerobohan semasa semakan dijalankan

8. Cara perhubungan asal ke kawasan berkenaan (sama ada boleh sampai dengan pacuan empat roda, berjalan kaki atau cara-cara lain)

Jalan masuk ke kawasan kompartmen 841 (VJR) adalah melalui Batu 17 Jalan Kluang-Mersing... menggunakan kawasan Ladang GSA melalui Jalan Hutan berturap dan jalan batu kerikil hingga ke kawasan ladang kelapa sawit milik persendirian. Untuk menuju ke kompartmen 841 Hutan Simpan Labis adalah melalui jalan ladang kelapa sawit.

9. Jika berjalan kaki, nyatakan jauhnya

Berjalan kaki sejauh lebih kurang 15 meter sahaja dari ladang kelapa sawit berhampiran.

10. Nyatakan cara perhubungan semasa pemeriksaan (jika berbeza dari cara asal disebabkan kerosakan jalan atau sebagainya).

Menggunakan laluan asal melalui Jalan akses ke kawasan VJR kompartmen 841.


11. Nyatakan pemerhatian-pemerhatian lain mengenai VJR tersebut, jika ada

Semasa semakan pihak pemantauan mendapati tiada apa-apa pencerobohan berlaku.

12. Cadangan-cadangan, jika ada:

Papan Tanda kenyataan VJR dikawasan laluan masuk hendaklah diperbaharui. Perbanyakkan petak kajian atau petak contoh didalam kompartmen ini untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar universiti menjalankan kajian didalam kawasan tersebut dan laporan kajian hendaklah dikemukakan kepada pihak jabatan.

Tanda Ketua Pasukan


(HISHAM BIN ISMAIL)
Pegawai Renj Hutan.
Pejabat Renj. Hutan Sembrong.

ULASAN OLEH PEGAWAI HUTAN DAERAH




Mohon pihak renj menialankan kerja-kerja pemantauan berkala dari masa ke semasa bagi mengelakkan pencerobohan berlaku di dalam kawasan Virgin Jungle Rizab (VJR). Papan tanda yang telah rosak perlu diganti dengan segera. Tingkatkan rondaan di kawasan berhampiran VJR.




.....
.....
.....
Tanda Tangan

(NAMA PEGAWAI HUTAN DAERAH)


SEMUA LAPORAN HENDAKALAH DISERTAKAN PELAN YANG MENUNJUKAN JALAN YANG DIKUTI SEMASA PEMERIKSAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN.



PEMANTAUAN KAWASAN HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR) KOMPT 841,
HUTAN SIMPAN LABIS



PELAN LAPORAN PEMERIKSAAN KAWASAN HUTAN
SIMPANAN DARA DI KOMPARTMEN 841, HUTAN SIMPAN
LABIS DAERAH JOHOR TENGAH.



**LAPORAN PEMERIKSAAN KE ATAS KAWASAN
HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR)**

Tarikh Pemeriksaan : 28.03.2024

No. VJR : JZ

Nombor kompartmen : 231

Nama HSK : Lenggor

Daerah Hutan : Johor Tengah

Negeri : Johor

1. Nama dan jawatan ketua pasukan

Hisham bin Ismail (Pegawai Renj. Hutan Madek)

2. Nama dan jawatan ahli-ahli pasukan

- a) Muhamad Rizal bin Lamsi (Pengawas Hutan Kanan)
- b) Norizam bin Mustafa (Pengawas Hutan)
- c) M. Sukemi bin Dol Salim (Pengawas Hutan)
- d) Rohaizat bin Omar (Pengawas Hutan)
- e) Faizal bin Parman (Pembantu Awam)

3. Jumlah bilangan kompartmen sebenar

Satu Kompartmen

4. Bilangan dan nombor kompartmen yang diperiksa

Satu (Kompartmen 231)

5. Anggaran peratus sempadan yang diperiksa

30 peratus (%)

(Tandakan di atas pelan, sempadan yang dilalui semasa pemeriksaan)

6. Terangkan keadaan sempadan dan kebersihannya:

Keadaan kelarian sempadan VJR masih jelas kelihatan dan terdapat juga cat-cat kuning semakin pudar selain pokok-pokok yang ditanda telah rosak. Telah menjalankan kerja-kerja membersihkan sempadan VJR di sebahagian dan didapati anak-anak pokok mula tumbuh diatas kelarian sempadan. Papan tanda VJR di muka hadapan jalan masuk juga kerap kali diganggu oleh gajah liar dan perlu diubahsuai bagi mengelakan gangguan gajah liar.

7. Terdapat pencerobohan/kerosakan atau tidak? Jika ada terangkan dan landakan di atas pelan. (Pencerobohan/kerosakan termasuklah oleh penerokaan haram, penebangan haram, ribut, kebakaran atau sebab-sebab lain).

Tiada pencerobohan semasa semakan dijalankan namun pihak Pejabat Renj. Hutan Madek mengesan tanda cat dan rintisan yang melalui kawasan sempadan VJR. Rintisan tersebut telah dilakukan oleh penduduk orang asli yang berdekatan dan dari penjelasannya. Penduduk orang asli tidak mahu kawasan tersebut dijalankan aktiviti pembalakan.

8. Cara perhubungan asal ke kawasan berkenaan (sama ada boleh sampai dengan pacuan empat roda, berjalan kaki atau cara-cara lain)

Jalan masuk ke kawasan kompartmen 231 (VJR) adalah melalui Batu 25 Jalan Kluang-Mersing dan menggunakan ekses Jalan Hutan Bil. 5 hingga ke kawasan kompartmen. Keadaan Jalan Hutan Bil.5 menuju ke kompartmen 231 VJR rosak akibat cuaca yang kerap hujan dan tiada aktiviti penyelenggaraan jalan dijalankan.

9. Jika berjalan kaki, nyatakan jauhnya

Tiada.

10. Nyatakan cara perhubungan semasa pemeriksaan (jika berbeza dari cara asal disebabkan kerosakan jalan atau sebagainya).

Menggunakan Jalan Hutan asal Bil.5.

11. Nyatakan pemerhatian-pemerhatian lain mengenai VJR tersebut, jika ada

Tiang tanda sempadan Kompartmen VJR masih baik dan perlu diselenggara kerana tumbang atau condong dari gangguan hidupan liar. Dari pemeriksaan, tiada kesan pencerobohan berlaku di dalam kawasan VJR.

12. Cadangan-cadangan, jika ada:

Papan tanda kenyataan VJR di kawasan laluan masuk hendaklah diperbaharui dengan keadaan yang baru bagi mengelakkan ianya diganggu oleh gajah liar. Kelarian sempadan perlu di cuci keseluruhannya kerana anak-anak pokok mulai tumbuh di kelarian sempadannya. Cat-cat kuning sempadan VJR serta cat merah sempadan Kompartmen juga perlu dicat baru bagi memaklumkan kawasan tersebut adalah kawasan VJR dan sentiasa perlu dijaga selain kerja-kerja penyelenggaraan sempadan keseluruhan kawasan VJR telah dijalankan oleh kontraktor yang dilantik adalah pada tahun 2019.

Tanda Ketua Pasukan



(HISHAM BIN ISMAIL)
Pegawai Renj Hutan.
Pejabat Renj. Hutan Madek.
Kahang, Batu 22.

ULASAN OLEH PEGAWAI HUTAN DAERAH

Mohon pihak renj menjalankan kerja-kerja pemantauan berkala dari masa ke semasa bagi mengelakkan pencerobohan berlaku di dalam kawasan Virgin Jungle Rizab (VJR). Papan tanda yang telah rosak perlu diganti dengan segera. Tingkatkan rondaan di kawasan berhampiran VJR.




.....
.....
.....
Tanda Tangan

(NAMA PEGAWAI HUTAN DAERAH)

SEMUA LAPORAN HENDAKALAH DISERTAKAN PELAN YANG MENUNJUKAN JALAN YANG DIKUTI SEMASA PEMERIKSAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN.



PELAN LAPORAN LAWATAN KAWALAN KE KAWASAN SIMPANAN HUTAN DARA
 KOMPARTMEN 231, HUTAN SIMPAN LENGGOR
 PEJABAT RENJ. HUTAN : MADEK DAERAH HUTAN : JOHOR TENGAH



- PETUNJUK
- JALAN HUTAN BIL 5
 - SEMPADAN KOMPT
 - SEMPADAN YANG DILAWATI
 - SUNGAI
 - LALUAN MASUK SEMASA SEMAKAN

PEMANTAUAN KAWASAN HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR) KOMPT 231 HUTAN SIMPAN LENGGOR







PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR TENGAH,
JALAN PEJABAT KERAJAAN 2,
86000 KLUANG,
JOHOR DARUL TA'ZIM

Pejabat : 07-7725944
Faks : 07-7720844
Emel : phdjh.forestry@johor.gov.my



Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Ruj. Kami : PHDJH 700-2/1/1 ()
Tarikh : 02 April 2024

Pengarah Perhutanan Negeri
Ibu Pejabat Perhutanan Negeri Johor,
Tingkat 2, Bangunan Dato' Mohamad Ibrahim Munsyi,
Kota Iskandar,
79660 Iskandar Puteri,
Johor Darul Ta'zim

YBhg. Dato',

**LAPORAN PEMANTAUAN KAWALAN KAWASAN HUTAN SIMPANAN HUTAN
DARA (VJR) BAGI BULAN FEBRUARI 2024**

NO. VJR : J5
NOMBOR KOMPARTMEN : 8
HUTAN SIMPAN : RENGAM
KELUASAN : 88.0 Hektar

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut yang di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Laporan Pemeriksaan ke atas kawasan Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR), Pelan Laporan Laluan Semasa Pemeriksaan dan gambar-gambar berkaitan untuk perhatian pihak YBhg. Dato' selanjutnya.

3. Segala perhatian dan pandangan YBhg. Dato' berhubung perkara ini adalah amat diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"HUTAN KITA AMANAH KITA"
"POKOK KITA KEHIDUPAN KITA"

Saya yang menjalankan amanah,

(RAZIS BIN OSMAN)
Pegawai Hutan Daerah,
Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah,
Kluang.



**LAPORAN PEMERIKSAAN KE ATAS KAWASAN
HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR)**

Tarikh Pemeriksaan : 14.02.2024

No. VJR : J.5

Nombor kompartmen : 8

Nama HSK : Renggam

Daerah Hutan : Johor Tengah

Negeri : Johor

1. Nama dan jawatan ketua pasukan

Hisham bin Ismail (Penolong Pemelihara Hutan)

2. Nama dan jawatan ahli-ahli pasukan

a) Muhamad Rizal bin Lamsi (Pengawas Hutan Kanan)

b) M. Sukemi bin Dol Salim (Pengawas Hutan)

c) Jenimen bin Yon (Pengawas Hutan)

d) Hamzah bin Mohd Khalid (Pengawas Hutan)

e) Md Aliff Ummil bin Yaakub (Pembantu Awam)

3. Jumlah bilangan kompartmen sebenar

Satu Kompartmen

4. Bilangan dan nombor kompartmen yang diperiksa

Satu (Kompartmen 8)

5. Anggaran peratus sempadan yang diperiksa

25 peratus (%)

(Tandakan di atas pelan, sempadan yang dilalui semasa pemeriksaan)

6. Terangkan keadaan sempadan dan kebersihannya:

Kedudukan sempadan yang disemak memuaskan dan cat tanda sempadan jelas kelihatan.

7. Terdapat pencerobohan/kerosakan atau tidak? Jika ada terangkan dan tandakan di atas pelan. (Pencerobohan/kerosakan termasuklah oleh penerokaan haram, penebangan haram, ribut, kebakaran atau sebab-sebab lain).

Tiada pencerobohan semasa semakan dijalankan

8. Cara perhubungan asal ke kawasan berkenaan (sama ada boleh sampai dengan pacuan empat roda, berjalan kaki atau cara-cara lain)

Jalan masuk ke kawasan kompartmen 8 (VJR) adalah melalui Batu 4 Jalan Kluang-Mersing dan seterusnya ke Jalan Padang Tembak dan melalui jalan akses ke stesen Pemancar Microwawe hingga ke kompartmen.

9. Jika berjalan kaki, nyatakan jauhnya

Plot Petak Tongkat Ali berada lebih kurang 400 meter dari kedudukan jalan akses Pemancar Microwawe.

10. Nyatakan cara perhubungan semasa pemeriksaan (jika berbeza dari cara asal disebabkan kerosakan jalan atau sebagainya).

Menggunakan laluan asal melalui Pencawang Station Microwawe.

11. Nyatakan pemerhatian-pemerhatian lain mengenai VJR tersebut, jika ada

Terdapat kemasukan pendaki gunung yang melalui denai dan permatang menghala ke Gunung Lambak. Terdapat juga sumber anak benih dari pelbagai spesies kaum damar yang tumbuh meliar.

12. Cadangan-cadangan, jika ada:

Di syorkan membuat jadual berkala bagi tujuan di masuki oleh orang awam yang menafikan aktiviti mendaki gunung. Juga dibuat bancian ke atas petak tersebut bagi tujuan pembelajaran.

Tanda Ketua Pasukan



(HISHAM BIN ISMAIL)


Pegawai Renj Hutan.

Pejabat Renj. Hutan Sembrong.

ULASAN PEGAWAI HUTAN DAERAH

Mohon pinda yang jelas di serang dan pendakian sebagai
aman kepada paderai untuk menjelakkan keretakan. Dan mohon
pinda pada nama pokok bagi pinda.

TANDATANGAN



(NAMA PEGAWAI HUTAN DAERAH)

RAZIS BIN OSMAN

Pegawai Hutan Daerah
Pejabat Hutan Daerah
Johor Tengah, Kluang


LAPORAN HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN PELAN YANG MENUNJUKKAN JALAN YANG DIKUTI
SEMASA PEMERIKSAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN

LAPORAN BERGAMBAR SEMAKAN KAWASAN HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA (VJR)
NO VJR : J 5
KOMPARTMEN : 8
HUTAN SIMPAN : RENGAM
KELUASAN : 88.0 HEKTAR




PELAN HUTAN SIMPANAN BARA (VIRGIN JUNGLE RESERVE)

Dicetak Hutan: Jalan, Pematang Hutan Simpanan Klungul No. 1400/2014



SKALA: 1:5.000



- Simbol:
- ⊙ Hutan Simpanan
 - ⊙ Simpanan Kematangan
 - Jalan
 - ~ Sungai
 - Garis Netur
 - △ Perancah Bekas
 - Jalan Tebu
 - Sempadan Pesisir



Tandatangan	Dibuat dan Oleh	Ditakrifkan Oleh
Muhammad Rizal bin Lamsi Pongawas Hutan	<i>Riza</i>	Hisham bin Ismail Penolong Peralihara Hutan
Tarikh	22/2/24	22/02/2024